

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

FIVE IMPORTANT TIPS TO HELP NOVICE
ATHLETES IN SPORTS CONFIDENCE

Turmeric & Coffee

The Suprising Ingredient Generating Short-Pulsed Laser

EMAIL CARBON FOOTPRINT

A SOURCE FOR GREENHOUSE GASES EMISSIONS

Creating Happiness

IN WORK AND LIFE IN SOCIETY: A RELIGIOS PERSPECTIVE

Teknik Pengucapan

BARACK OBAMA

eISSN 2600-9811



Publication Date
7 November 2023

PANDUAN MENINGKATKAN KEMAHIRAN PENGUCAPAN AWAM

Suzila Mat Salleh, Siti Fatimah Mardiah Hamzah, Wan Zuhaila Wan Abdul Rahman, Noor Hafiza Mohammed, Hani Sakina Mohamad Yusof dan Noor Malinjasari Ali
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu

Emel Koresponden: suzilamsalleh@uitm.edu.my



Pengucapan awam merupakan satu kemahiran komunikasi yang penting dalam kehidupan kita. Ini memberi ruang kepada kita untuk menyampaikan idea dengan jelas dan meyakinkan khalayak melalui maklumat yang disampaikan. Antara perkara penting yang perlu dititikberatkan oleh pengucap dalam meningkatkan kemahiran pengucapan awam adalah seperti berikut:

Latihan Berterusan

Latihan pengucapan awam secara berterusan merupakan salah satu cara untuk meningkatkan kemahiran berucap kita di khalayak. Cara terbaik yang kita boleh lakukan ketika membuat latihan pengucapan awam adalah berucap di hadapan cermin atau merakamkan ucapan kita dan memperdengarkan ucapan tersebut (untuk mengenalpasti kesilapan yang dilakukan). Dengan ini, ia dapat membantu kita untuk lebih yakin dan mahir berucap di hadapan khalayak.

Persediaan yang Cukup

Persediaan yang cukup dari segi mental dan fizikal juga amat penting sebelum berucap di hadapan khalayak. Sebelum memulakan ucapan, kita perlulah mengenalpasti dahulu siapakah khalayak. Kita perlulah membuat persiapan rapi dari segi mengenalpasti topik yang berkaitan dengan khalayak, menyediakan nota dan slaid untuk dirujuk oleh khalayak. Slaid yang akan disediakan juga perlulah meminimumkan teks dan perlu mempunyai imej yang menarik perhatian khalayak. Ini kerana khalayak lebih cenderung melihat gambaran imej yang dipaparkan sambil mendengar maklumat yang diterangkan oleh pengucap berbanding membaca teks yang panjang dislaid.

Penggunaan Bahasa Badan

Pengucap juga perlu berkemahiran dalam menggunakan bahasa badan. Kita perlu memperbaiki intonasi ucapan dan kefasihan dalam berbahasa. Penggunaan gerakan tangan dan ekspresi muka yang sesuai juga dapat menimbulkan emosi dan penekanan sesuatu ucapan. Begitu juga kontak mata terhadap khalayak amat penting untuk mewujudkan komunikasi dua hala dan pertalian antara pengucap dan khalayak.

Kelancaran Berbahasa

Apabila pengucap berucap di khalayak, perkara yang menyebabkan pengucap itu dihormati dan dipandang adalah kelancarannya berbahasa. Aspek ini merupakan aspek yang sangat penting semasa berucap terutamanya apabila menggunakan bahasa inggeris semasa berucap. Sesetengah daripada kita kurang lancar apabila menggunakan bahasa inggeris untuk berucap. Namun dengan latihan yang berterusan dapat melancarkan penggunaan bahasa kita sekaligus ucapan tersebut dilihat seolah-olah dibuat secara spontan. Untuk kelancaran bahasa, pembacaan buku bahasa inggeris dan latihan berucap menggunakan ayat bahasa inggeris amat perlu dalam meningkatkan perbendaharaan kata dan struktur ayat.

Mengendalikan Rasa Gugup

Setiap dari kita apabila berucap atau melakukan sesuatu dihadapan khalayak, pasti akan timbul rasa gugup. Ini termasuklah debaran jantung yang agak kencang apabila diberi peluang untuk berucap dihadapan khalayak. Menurut Stephen E. Lucas, pengarang buku "The Art of Public Speaking", apabila anda berasa gugup semasa memberi ucapan ia adalah suatu perkara yang normal. Contoh yang diutarakan oleh Stephen E. Lucas termasuklah pemimpin dunia seperti Abraham Lincoln dan Winston Churchill juga berasa gugup semasa memberi ucapan awam. Contoh lain seperti di Malaysia, penyanyi Siti Nurhaliza juga akan mengemam gula-gula untuk menghilangkan rasa gugupnya. Setiap pengucap berpengalaman juga pasti mengalami rasa gugup dan mereka dapat mengawal rasa gugup yang dialami. Antara cara yang boleh dilakukan untuk mengendalikan rasa gugup adalah seperti berikut:

1. Perasaan gugup akan lama kelamaan hilang dengan memperbanyakkan latihan dan pengalaman dalam memberi ucapan awam.
2. Membuat persediaan awal sebelum ucapan sebenar berlangsung.
3. Berfikiran positif dan mempunyai keyakinan diri. Fikirkan kalau orang lain boleh buat, kita pasti boleh.
4. Menggunakan kuasa visualisasi. Kita perlu membuat bayangan yang kita memberi ucapan di khalayak dengan jayanya. Imajinasi mental sebegini dapat meningkatkan kemahiran ucapan sebenar kita.
5. Anggap rasa gugup itu tidak wujud. Walaupun tangan kita berpeluh dan jantung berdebar-debar, khalayak tidak dapat melihat betapa tegangnya perasaan kita pada waktu tersebut. Walaupun kita rasa gugup, kita perlu cuba elak untuk dilihat oleh khalayak seperti intonasi lancar, tangan tidak berketar dan pandangan mata yang tepat pada mata khalayak. Ini dapat mewujudkan rasa yakin kita pada khalayak sekaligus khalayak tidak akan perasan sekiranya ada rasa gugup pada pengucap.
6. Tiada ucapan yang sempurna. Kita tidak boleh menjadi seorang yang sempurna, begitu juga ucapan yang akan dilakukan. Sekiranya anda melakukan kesilapan, jangan berasa panik, malu atau segan kerana kadang kala kesilapan berkemungkinan berlaku kerana kita adalah manusia biasa yang tidak lari dari melakukan kesilapan.

Mendengar Maklum Balas

Apabila kita berucap dikhalayak, maklum balas dari khalayak amat penting dalam meningkatkan ucapan kita. Soal jawab selepas sesi ucapan kita membolehkan kita mendengar komen dan memahami soalan yang diberikan dengan teliti. Dengan ini dapat membantu kita memperbaiki prestasi ucapan supaya kita tidak akan melakukan kesalahan yang sama pada masa akan datang. Maklum balas dari khalayak juga membolehkan kita menambahkan ilmu dan pengetahuan dalam sesuatu maklumat dengan pencarian yang lebih mendalam terhadap maklumat tersebut.

Panduan berucap yang dikongsikan ini adalah diharap dapat meningkatkan kemahiran kita dalam berucap dihadapan khalayak sekaligus dapat membuat persediaan awal sekiranya diberi peluang untuk berucap. Panduan ini juga merujuk kepada buku "The Art of Public Speaking" yang pengarangnya adalah Stephen E. Lucas yang mempunyai pengetahuan yang hebat dan mendalam berkaitan pengucapan awam. Latihan yang berterusan dan persediaan awal merupakan kunci utama dalam mencapai kejayaan berbicara dikhalayak umum.

Rujukan

Lucas, Stephen, E. (2015). The Art of Public Speaking. Twelfth Edition. McGraw Hill Education.

Academic Dishonesty and ChatGPT



¹Amirudin bin Mohd Zani ²Roszainora binti Dato³ Haji Setia
¹Fakulti of Business and Management, UiTM Cawangan Terengganu
²Academy of Language Studies, UiTM Cawangan Terengganu
 Corresponding email: amirzani@uitm.edu.my



BizNewz 2023
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com